

# Kertas Bil. 40/2021



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
PEMBASMIAK KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR MENGENAI GERAK KERJA  
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAK  
KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

---

## **KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Penetapan Kadar Kemiskinan	1
4	Membantu Rakyat Berada Di Bawah Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Untuk Meningkatkan Pendapatan Mereka Dan Keluar Dari Kemiskinan	3
5	Memastikan Keselesaan Golongan Di Bawah Paras Garis Kemiskinan Terjamin	3
6	Perakuan	4

# **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI GERAK KERJA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

## **1. PENDAHULUAN**

Penyata ini dibentangkan adalah bertujuan untuk memaklumkan hasrat Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan Bagi Dewan Negeri Selangor (JPK-Pembasmian Kemiskinan) berkenaan gerak kerja JPK-Pembasmian Kemiskinan untuk bulan dan tahun yang akan datang adalah berdasarkan alternatif ukuran kemiskinan iaitu Kemiskinan Relatif, bukan sahaja ukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang merupakan matlamat Penubuhan JPK-Pembasmian kemiskinan pada tahun 2013.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat pada 9 September 2021 Bil. 2/2021 dan ahli jawatankuasa telah bersetuju untuk membentangkan penyata khas berkenaan gerak kerja JPK-Pembasmian Kemiskinan.

## **3. PENETAPAN KADAR KEMISKINAN**

- 3.1 Jawatankuasa mengambil maklum pendekatan semasa Kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri dalam mengukur tahap kemiskinan adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dimana nilai PGK merupakan pendapatan atau keperluan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatannya kurang daripada nilai PGK.
- 3.2 Jawatankuasa mengambil maklum terdapat alternatif dalam mengukur tahap kemiskinan iaitu Kemiskinan Relatif.
  - 3.2.1 Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada laman sesawang rasmi negara-negara OECD, kadar kemiskinan adalah nisbah bilangan penduduk (dalam kumpulan umur tertentu) yang pendapatannya berada di bawah garis kemiskinan yang diambil sebagai separuh daripada nilai penengah pendapatan isi rumah keseluruhan penduduk (kemiskinan relatif). Ia juga dikategorikan mengikut kumpulan umur iaitu kemiskinan kanak-kanak (0-17 tahun), kemiskinan usia bekerja dan kemiskinan warga tua (66 tahun atau lebih).<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> OECD Data (Poverty Rate), <https://data.oecd.org/inequality/poverty-rate.htm>

3.3 Oleh kerana itu, hasrat jawatankuasa berkenaan gerak kerja JPK-Pembasmian Kemiskinan adalah seperti berikut:-

- 3.3.1 Mengambil kira pendekatan Kerajaan Negeri untuk menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan berdasarkan maklumat tambahan yang diperolehi jawatankuasa daripada pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada mesyuarat jawatankuasa Bil.14/2020, berdasarkan maklumat tambahan oleh pihak DOSM, nilai PGK baharu Selangor pada tahun 2019 adalah RM2,365<sup>2</sup>. Jawatankuasa berpendapat golongan yang berada dibawah PGK tersebut perlu diberi keutamaan oleh kerajaan dengan dasar intervensi, iaitu bantuan secara langsung.
- 3.3.2 Berdasarkan data rasmi dikeluarkan oleh pihak DOSM, had kemiskinan relatif di Negeri Selangor adalah RM4,105 (separuh daripada Pendapatan penengah keseluruhan isi rumah (pendapatan kasar) pada tahun 2019 di Negeri Selangor iaitu RM8,210). Jawatankuasa berpendapat golongan yang berada dibawah had kemiskinan relatif juga perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Bantuan tidak semestinya dalam bentuk tunai, tetapi dalam bentuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti individu tersebut.
- 3.3.3 Jawatankuasa berpandangan maklumat demografi seperti bilangan ahli isi rumah dan kawasan tempat tinggal (daerah) perlu diambil kira dalam mengukur dan membantu golongan miskin.
- 3.3.4 Penetapan bantuan kepada golongan miskin berdasarkan nilai PGK yang diamalkan pada masa kini perlu dikaji semula dengan bersikap progresif iaitu mengambil kira bilangan ahli isi rumah sebagai langkah untuk membantu golongan miskin. Sebagai contoh bilangan ahli isi rumah satu (1) yang mempunyai pendapatan RM2,000 sebulan (bawah nilai PGK) tidak seharusnya dikategorikan miskin kerana ketiadaan tanggungan manakala bagi ahli isi rumah lapan (8) yang berpendapatan RM5,000 sebulan perlu dikategorikan sebagai miskin kerana tanggungan yang ramai.

---

<sup>2</sup> Jawatankuasa mengambil maklum nilai tersebut adalah berdasarkan kajian awalan DOSM dan ia boleh berubah tertakluk kepada kajian dari semasa ke semasa oleh DOSM

**4. MEMBANTU RAKYAT BERADA DI BAWAH HAD PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATAN MEREKA DAN KELUAR DARI KEMISKINAN**

- 4.1 Jawatankuasa mengambil maklum usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan golongan yang berada di bawah PGK \diutamakan dalam usaha meningkatkan pendapatan. Oleh yang demikian, JPK-Pembasmian Kemiskinan akan turut sentiasa meneliti dan memantau dari masa ke semasa program-program Kerajaan Negeri seperti Bantuan Hijrah, Blue Print Pembasmian Kemiskinan, *job matching* dan sebagainya.
- 4.2 Jawatankuasa akan terus melaksanakan tanggungjawabnya dalam meneliti sebarang polisi Kerajaan Negeri yang perlu ditambah baik sama ada dari segi pelaksanaan program-program sedia ada atau dengan mencadangkan sesuatu polisi yang baharu.
- 4.3 Jawatankuasa berpendapat kesemua isi rumah di Negeri Selangor hendaklah dibantu dan diberikan perhatian supaya sesebuah isi rumah itu boleh diberi peluang untuk meningkatkan pendapatan ke atas had kemiskinan relatif adalah dengan menjana pendapatan melebihi RM4,105/sebulan.
  - 4.3.1 Penyaluran bantuan kepada golongan yang berada di bawah kemiskinan relatif tidaklah semestinya berbentuk dalam wang ringgit, tetapi bantuan lain yang perlu diberikan juga adalah dari segi mewujudkan peluang-peluang (contohnya pemberian lesen dan ruang perniagaan oleh PBT) agar mereka berupaya untuk keluar daripada tahap kemiskinan relatif.
  - 4.3.2 Dengan pelaksanaan berdasarkan Kemiskinan Relatif, kerajaan dapat melihat situasi rakyat dari perspektif yang berbeza dan membuka peluang untuk melihat bagaimana kerajaan dapat membantu sebahagian rakyat yang telah lama tercicir dari menerima manfaat polisi pembasmian kemiskinan.

**5. MEMASTIKAN KESELESAAN GOLONGAN DI BAWAH PARAS GARIS KEMISKINAN TERJAMIN**

- 5.1 Jawatankuasa sedar bahawa seseorang rakyat itu memerlukan masa untuk mengembangkan sesebuah pendapatannya dan ada juga yang tidak mampu berbuat demikian. Walaupun begitu, mereka semua masih berhak untuk hidup dalam keadaan yang bermaruah dan serba selesa.

- 5.2 Aspek utama untuk seseorang itu hidup dalam keadaan yang selesa dan bermaruah adalah dengan memiliki sumber makanan, tempat tinggal, mempunyai akses kepada fasiliti kesihatan dan pendidikan serta kehidupan bersosial/hiburan.
- 5.3 Jawatankuasa mengambil maklum terhadap usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa akan tetap terus meneliti dan memantau program-program Kerajaan seperti bantuan JKM, Zakat, Skim Peduli Sihat, KISS, Rumah Selangorku, bantuan tambang bas sekolah dan sebagainya.
- 5.4 Jawatankuasa akan terus melaksanakan tanggungjawabnya dalam meneliti sebarang polisi Kerajaan Negeri yang perlu ditambah baik sama ada dari segi pelaksanaan program-program sedia ada atau dengan mencadangkan sesuatu polisi yang baharu.

## 6. PERAKUAN

Selaras dengan Peraturan Tetap 76(3), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Penyata Khas ini telah disediakan oleh Y.B. Rajiv A/L Rishyakaran, Penggerusi Jawatankuasa Pilihan khas Pembasmian Kemiskinan pada mesyuarat Jawatankuasa Bil.3/2021 bertarikh 28 September 2021.

Disahkan oleh:



.....  
**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas  
Pembasmian Kemiskinan